

12/02/2000

Aman terima anugerah tertinggi Dayasari

AMAN Shah Othman muncul sebagai penerima gelaran Adiratna Seri Dayasari selepas mendapat Anugerah Utama Seri Dayasari, pada Malam Penghargaan Dayasari 2000, Kolej Kediaman Kelima, Universiti Malaya (UM), baru-baru ini.

Adiratna Seri Dayasari yang bermaksud Permata Mulia Seri Dayasari gelaran tertinggi bagi penerima Anugerah Utama Seri Dayasari.

Aman, pelajar tahun ketiga, Fakulti Sains, Universiti Malaya, turut menerima hadiah kot, lencana emas, plak dan jam tangan.

Tiga lagi gelaran bagi penerima Anugerah Utama Seri Dayasari ialah Bintara Seri Dayasari, Citra Kirana Wirawan Seri Dayasari dan Citra Kirana Wirawati Seri Dayasari.

Anugerah itu adalah anugerah yang paling berprestij dan tertinggi kedudukannya dalam hirarki anugerah di Kolej Kediaman Kelima UM.

Penerima anugerah itu dipilih berdasarkan kecemerlangan tinggi dalam semua aspek yang diceburi.

Malam Penghargaan Dayasari 2000 itu dirasmi oleh Naib Canselor UM, Tan Sri Dr Abdullah Sanusi Ahmad.

Di majlis itu juga, wakil Malaysia Book of Records (MBR), Nasir Mohd Nor mengumumkan bunga telur gergasi yang dicipta oleh pelajar kolej itu sebagai yang terbesar di Malaysia.

Beliau berkata, bunga telur gergasi itu memecah rekod lama MBR yang dipegang oleh Muzium Negara, kira-kira dua tahun lalu.

"Rekod itu akan tercatat dalam MBR Edisi Millineum, yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, April ini," katanya.

Katanya, kriteria seperti ketinggian dan jumlah telur diambil kira dalam menentu dan menilai bunga telur gergasi itu.

Bunga telur gergasi dan terbesar di Malaysia itu dihasilkan oleh ahli jawatankuasa Malam Penghargaan Dayasari 2000, sejak sebulan lalu.

(END)